

SULIT

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 8 TAHUN 2021

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : PEJABAT/KEDIAMAN MASING-MASING,
(MESYUARAT SECARA ATAS TALIAN)

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | YBhg. Dato' Amirul Azizan bin
Dato' Sri Abd Rahim, <i>D.I.M.P.</i>
(Yang Dipertua) | - | Pengerusi |
| 2. | Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin
Tengku Harun, <i>D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.</i>
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat | - | Ahli Majlis |
| 3. | Cik Ang Lee Yong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman | - | Ahli Majlis |
| 5. | Encik Mohd Safiee bin Harun | - | Ahli Majlis |
| 6. | Encik Wong Kim Loon | - | Ahli Majlis |
| 7. | Encik Nadasan a/l Subramani | - | Ahli Majlis |
| 8. | Encik Haridass a/l Ramasamy | - | Ahli Majlis |
| 9. | Encik Gan Yee Chin | - | Ahli Majlis |
| 10. | Encik Lim Tou Yih | - | Ahli Majlis |
| 11. | Encik Razali bin Ahmad | - | Ahli Majlis |
| 12. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 13. | Puan Rahimah binti Harun | - | Ahli Majlis |
| 14. | Encik Yong Keh Chyn | - | Ahli Majlis |
| 15. | Encik Abu Bakar bin Mohamad | - | Ahli Majlis |
| 16. | Encik Naharanuar bin Ayob | - | Ahli Majlis |

- | | | | |
|-----|---|---|---------------------|
| 17. | Puan Rogayah binti Ibrahim | - | Ahli Majlis |
| 18. | Encik Norazmi bin Mohamed Tahir | - | Ahli Majlis |
| 19. | Encik Lim Lip Suan | - | Ahli Majlis |
| 20. | YBhg. Dato' Sundararaju a/l Veerappan, <i>D.I.M.P., P.J.M., P.P.A.-</i> | | Ahli Majlis |
| 21. | Encik Tan Wee King | - | Ahli Majlis |
| 22. | Puan Thanaletchumy a/p Muthusamy | - | Ahli Majlis |
| 23. | Encik Panalsalwa a/l R Kuppan | - | Ahli Majlis |
| 24. | Encik Zulkipli bin Said | - | Ahli Majlis |
| 25. | Encik Abd Razak bin Ramli | - | Ahli Majlis |
| 26. | TPr Haji Arpaaii bin Haji Sanat, <i>A.M.S., P.P.T., P.K.T.-</i> | - | Penolong Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | | | |
|----|--|---|--|
| 1. | Encik Kamarulzaman bin Ahmad, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan
Perbendaharaan |
| 2. | Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Kejuruteraan |
| 3. | Encik Hishamuddin bin Ismail, <i>P.P.T.</i> | - | Pengarah Jabatan
Korporat dan Pembangunan
Masyarakat |
| 4. | Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap | - | Pengarah Jabatan
Landskap |
| 5. | Puan Lisawati binti Abd. Karim | - | Pengarah Jabatan
Penilaian dan Pengurusan
Harta |
| 6. | Tuan Haji Fauzi bin Din, <i>P.J.K.</i> | - | Pengarah Jabatan Khidmat
Pengurusan |
| 7. | Encik Syamsol Herwan bin Ahmad | - | Pengarah Jabatan
Kawalan Bangunan |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 8. | Puan Nordila binti Yasir | - | Pengarah Jabatan Pelesenan |
| 9. | Puan Norain binti Mohamed | - | Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran |
| 10. | Puan Hashila binti Hamzah | - | Pengarah Jabatan Penguatkuasaan |
| 11. | Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin | - | Ketua Bahagian Teknologi Maklumat |
| 12. | Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim | - | Ketua Unit Pusat Setempat |
| 13. | YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai Subaramaniam | - | Ketua Unit Audit Dalam |
| 14. | Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, <i>P.P.T.</i> - | | Ketua Unit Perundangan /Ketua Unit Perolehan |
| 15. | Encik Mohd Shauki bin Jamaludin | - | Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan |
| 16. | Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin | - | Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra |

DIJEMPUT HADIR

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|---------------------------|
| 1. | Encik Zamri bin Abdul Rahman | - | Worldwide Holdings Berhad |
| 2. | Puan Esmaliza binti Ismail | - | Worldwide Holdings Berhad |
| 3. | Puan Mimi Mazira binti Abdullah | - | Worldwide Holdings Berhad |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|-----------------------------|
| 1. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 2. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha Pejabat |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	UCAPAN Pengerusi	
	<p>Mesyuarat telah dimulakan dengan bacaan doa bagi ahli mesyuarat yang beragama Islam.</p> <p>Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Unit pada mesyuarat hari ini.</p>	Makluman
2.0	TAKLIMAT PELAKSANAAN PROJEK INTEGRATED SOLID WASTE MANAGEMENT CENTRE (ISWMC) DI TANJUNG DUA BELAS OLEH WORLDWIDE HOLDINGS BHD.	
	<p>2.1 Taklimat telah disampaikan oleh Encik Zamri bin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Operasi Worldwide Holdings Berhad untuk makluman semua ahli mesyuarat seperti di Lampiran A.</p> <p><u>Sesi soal jawab</u></p> <p>i. Berkenaan sisa pepejal dari kawasan Putrajaya, Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis bercadang mengenakan caj kepada pihak Perbadanan Putrajaya sebagai token kerana menggunakan tanah di daerah ini.</p> <p><i>Dimaklumkan harga yang dikenakan kepada PBT adalah harga yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri sahaja. Pihak Worldwide dibenarkan membuat penambahan harga kepada pihak-pihak swasta. Pihak Worldwide akan cuba membawa cadangan ini kepada pihak Kerajaan Negeri.</i></p> <p>ii. Encik R. Haridass ingin tahu teknologi yang akan digunakan untuk pembakaran sisa pepejal. Beliau juga ingin tahu berkenaan tenaga yang terhasil akibat proses pembakaran.</p>	Makluman

Dimaklumkan teknologi insinerator akan digunakan untuk pembakaran sisa makanan dan sisa dapur. Pihak Worldwide mengambil maklum akan masalah yang berlaku di tapak pelupusan sampah Semenyih. Pihak Worldwide juga akan menggunakan teknologi 'Moving Grate/Stoker System' yang terbukti berkesan dan sesuai digunakan untuk ciri-ciri sisa pepejal di Malaysia. Mesyuarat turut dimaklumkan tenaga yang akan dihasilkan akan dijual dan dijadikan sebagai pendapatan syarikat.

- iii. Encik Wong Kim Loon memaklumkan tapak WTE tersebut berhampiran dengan taman perumahan dimana proses pembakaran akan menyebabkan berlaku sedikit pencemaran. Oleh itu, beliau ingin tahu peratusan sisa pembakaran yang akan dilepaskan ke udara. Beliau juga ingin tahu lebih lanjut berkenaan tipping fee sebanyak RM36/tan yang akan dinaikkan sebanyak 44% bagi MPKL. Beliau turut tertarik sistem semburan yang digunakan untuk mengurangkan bau.

Difahamkan pada masa ini, pihak Worldwide sedang menjalankan kajian EIA dan menyediakan laporan SIA untuk diluluskan oleh PLANTMalaysia. Penggunaan sistem 'bottom ash' dan 'fly ash' pula akan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Dimaklumkan pihak Jabatan Alam Sekitar telah mengarahkan pihak Worldwide untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama NGO dan penduduk setempat. Selepas laporan siap, pihak Worldwide akan membuat hebahan dan orang awam boleh memberikan komen terus kepada pihak Jabatan Alam Sekitar. Berkenaan kenaikan tipping fee kepada RM55, dimaklumkan kadar Rm36/tan pada masa ini tidak pernah dinaikkan sejak tahun 2010.

		<p>iv. Encik Lim Tou Yih ingin tahu jarak antara taman perumahan dan tapak WTE.</p> <p><i>Di luar negara seperti Jepun dan Austria, pembinaan WTE terletak di kawasan pusat bandar raya. Manakala di Tanjung Dua Belas, bahagian selatan dan barat adalah Hutan Simpan Kuala Langat.</i></p> <p>v. Encik Zulkipli ingin tahu adakah bahan bakar yang digunakan untuk insinerator terdiri daripada tenaga elektrik atau bahan-bahan lain</p> <p><i>Dimaklumkan bahan bakar yang digunakan terdiri daripada sampah domestik yang dikutip oleh pihak KDEB.</i></p> <p>vi. Berkenaan teknologi yang digunakan, Encik Naharanuar ingin tahu negara manakah yang turut menggunakan teknologi tersebut. Beliau juga ingin tahu pendapatan tambahan yang boleh dijana dalam projek ini.</p> <p><i>Teknologi ini telah digunakan di seluruh dunia antaranya di Singapura, Thailand dan Vietnam. Mesyuarat juga dimaklumkan pihak Worldwide memperolehi pendapatan tambahan melalui penjualan tenaga elektrik dan kitar semula.</i></p>	
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 7 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 OGOS 2021	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Razali bin Ahmad tanpa pindaan.	Makluman

4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	- TIADA -	Makluman
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Berkenaan pengurusan sampah pukal yang akan diuruskan oleh pihak KDEB, Encik Wong Kim Loon mencadangkan pihak Majlis membuat publisiti melalui laman sosial dan surat khabar 3 bahasa. Beliau juga memaklumkan prestasi kontraktor lama pada bulan Julai agak kurang memuaskan di mana ada sampah yang masih belum dikutip. Oleh itu, beliau mencadangkan pihak JPSPKP menyenarai hitamkan kontraktor-kontraktor tersebut selama dua tahun.	JKPM JPSPKP
	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 6 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 5.10.1 (m.s.20)</u> Encik Gan Yee Chin memohon jabatan yang berkenaan untuk mengadakan satu mesyuarat yang melibatkan penduduk, pemaju dan konsultan Taman	JKB

		Desa Idaman, Olak Lempit.	
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 10 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<u>Perkara 5.1.1 (m.s.4)</u> Senarai Balairaya Di Dalam Kawasan Operasi PBT Bagi Daerah Kuala Langat Balairaya Jalan Mentari, Bandar Mahkota – DUN Dengkil dipinda kepada DUN Banting.	Makluman
	ii.	<u>Perkara 5.1.1 (m.s.4)</u> Cik Ang Lee Yong memaklumkan pada tahun lepas, Ahli Majlis ada memberikan senarai balairaya di zon masing-masing kepada pihak jabatan. Walau bagaimanapun, beliau mendapati ada balairaya tidak dimasukkan dalam senarai tersebut. <i>Pengarah JPPH memaklumkan senarai balairaya yang dikemukakan adalah balairaya yang akan diserahkan oleh pihak PTD Kuala Langat kepada MPKL. Berkenaan perkara ini, pihak jabatan akan membuat semakan dengan pihak PTD Kuala Langat.</i>	JPPH

	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p>Encik Tan Wee King memaklumkan berkenaan kehadiran peniaga-peniaga 'food truck' dari luar daerah Kuala Langat seperti di kawasan Taman Pahlawan. Beliau ingin tahu dari segi lesen perniagaan mereka samada perlu memohon daripada pihak Majlis.</p> <p><i>Pengarah JPL memaklumkan lesen 'food truck' diberi mengikut kawasan yang dipohon dan jumlah lesen yang dikeluarkan tidak terlalu banyak. Berkemungkinan aduan yang dibangkitkan melibatkan peniaga 'food truck' yang tidak berlesen.</i></p>	JPL/JPK
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN 13 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 8 TAHUN 2021 YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 SEPTEMBER 2021	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	<p><u>Perkara 5.2.3 (m.s.15)</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong memaklumkan banyak kenderaan terbiar di kawasan taman perumahan dan bahu jalan. Oleh itu, beliau ingin tahu status berkenaan perkara ini.</p> <p><i>Pengarah JPK memaklumkan pihak jabatan mengalami kesukaran dari segi penempatan kenderaan yang disita kerana kawasan depoh yang terhad dan penuh. Dimaklumkan proses sebut harga sedang berlangsung dan lawatan tapak oleh pembida telah dijalankan. Selepas depoh dikosongkan, pihak jabatan akan menarik kenderaan terlantar yang diletakkan di taman perumahan dan bahu jalan.</i></p>	Makluman
6.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 15 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 9 OGOS 2021	
	6.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 16 TAHUN 2021 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 30 OGOS 2021	
	6.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman

7.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		
	7.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u></p> <p>MENERIMA PAKAI GARIS PANDUAN PENGURUSAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.</p> <p><i><u>Keputusan Kerajaan Negeri</u></i></p> <p>Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 28/2021 bertarikh 11 Ogos 2021 yang disahkan oleh MMKN Ke 29/2021 bertarikh 18 Ogos 2021 telah memutuskan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bersetuju meluluskan Garis Panduan Pengurusan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor berkuatkuasa mulai 1 September 2021, dan • Bersetuju agar Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dibatalkan mulai 1 September 2021. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum kertas mesyuarat ini.</p>	JKP
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Tan Wee King,		
	i.	Beliau mengucapkan selamat sejahtera kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, YB. ADUN Banting, Penolong Setiausaha, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan. Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini.	Makluman

	ii.	Sebagai Ahli Majlis termuda di MPKL, beliau akan lebih fokus kepada program-program yang memberi manfaat kepada belia Kuala Langat. Ini kerana golongan belia adalah masa depan negara dan masyarakat akan menjadi lebih maju dan makmur.	Makluman
	iii.	Beliau sebagai Ahli Majlis zon 8 memaklumkan walaupun kawasan Telok Panglima Garang bukan pusat pentadbiran utama tetapi ia berada di lokasi yang berpotensi tinggi di mana sebuah pelabuhan akan dibina di Pulau Carey pada masa akan datang. Oleh itu, beliau memohon pihak Majlis menaiktaraf bangunan-bangunan sedia ada seperti Pasar Awam dan Medan Selera Telok Panglima Garang. Beliau juga mencadangkan pihak Majlis menubuhkan satu cawangan di Telok Panglima Garang bagi memudahkan rakyat berurusan dengan pihak Majlis.	Makluman
	iv.	Masalah utama yang dihadapi di zon beliau adalah masalah sampah haram dan kilang tanpa kebenaran. Oleh itu, beliau berharap pihak Majlis dapat mempercepatkan proses pemutihan kilang haram di seluruh Kuala Langat bagi memudahkan pemantauan daripada pihak Majlis.	Makluman
	v.	Beliau juga berharap pihak Majlis lebih fokus kepada naiktaraf landskap di Kuala Langat supaya rakyat dapat melihat perbezaan antara Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran. Akhir kata, beliau berharap MPKL akan lebih indah dan harmoni di masa hadapan.	Makluman
9.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Tan Wee King atas ucapan penangguhan pada hari ini dan pihak Majlis akan mengambil perhatian atas pandangan dan cadangan yang disampaikan.	Makluman

	Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	
--	--	--

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 30 September 2021

Disemak oleh :



.....
(TPr HAJI ARPAAI BIN HAJI SANAT, A.M.S., P.P.T., P.K.T.)

Penolong Setiausaha
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :



.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Langat


Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh En. Wong Kim Loon
dan disokong oleh En. Tan Wee King tanpa sebarang pindaan.

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

- 10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
- 11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
- 12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- 13. UU - UNIT PERUNDANGAN
- 14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
- 15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
- 16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
- 17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

lynda/mesyuarat mpkl 8/2021



WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD

INTEGRITY • GROWTH • EXCELLENCE • TEAMWORK • CARING

CADANGAN PEMBANGUNAN
INTEGRATED SOLID WASTE MANAGEMENT CENTRE (ISWMC)
DI MUKIM TANJUNG DUABELAS
UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT



27 SEPTEMBER 2021

ISI KANDUNGAN



- 01 LATAR BELAKANG
- 02 USAHA KE ARAH PELAKSANAAN ISWMC SELANGOR
- 03 ISWMC TG12 & TEKNOLOGI WTE
- 04 STATUS ISWMC TG12


01 LATAR BELAKANG



SISA PEPEJAL DI SELANGOR



DATA PENJANAAN SISA PEPEJAL



35,615 TAN/ SEHARI
DI MALAYSIA*

JERAM SANITARY LANDFILL	Tonnage/Day
JERAM SANITARY LANDFILL	3200
TANJUNG DUABELAS SL	2600
PANCHANG BEDENA SL	97
DENGKIL -INERT	490
SUNGAI TUA -INERT	900
KUANG - INERT	300

7 5 8 7 TAN/HARI

JUMLAH SISA YANG DIHANTAR KE TAPAK PELUPUSAN WHB TERKINI

*JPSPN, 2019

JANGKAAN PENINGKATAN SISA PEPEJAL




3 TAPAK PELUPUSAN SANITARI

JSL	4 TAHUN	25 TAHUN/2032
TG12	3 TAHUN	25 TAHUN/2035
PBSL	11 TAHUN	10 TAHUN/2026

3 TAPAK PELUPUSAN SISA LENGAI

SKIWL	MAKSIMA	10 TAHUN/2021
DIWL	5 TAHUN	25 TAHUN/2029
KIWL	2 TAHUN	25 TAHUN/2032

- Jangkaan Kapasiti Maksima
- Konsesi / Tahun Tamat



1,800 ekar tanah yang diperlukan untuk 30 tahun pelupusan sampah
@7,000 tan sisa pepejal sehari

95% pengurangan isi padu sisa pepejal dengan pelaksanaan ISWMC. Ini akan mengelakkan daripada pengambilan tanah selama 30 tahun akan datang oleh Kerajaan Negeri.

TAPAK PELUPUSAN SANITARI TANJUNG DUABELAS



Tahun Beroperasi
2010



Keluasan Tanah
160 ekar



Penerimaan (tan/hari)
PBT: 2,020
Lain-lain: 600



PBT Terlibat
MPKL, MBSJ, MPAJ
MPKJ, Putrajaya, MPSP



Tapak Dijangka Penuh
Penghujung 2024



02 USAHA KE ARAH PELAKSANAAN ISWMC



USAHA KE ARAH PELAKSANAAN ISWMC



MESYUARAT MTES (6 NOVEMBER 2013)

- Kerajaan Negeri bersetuju melantik UPEN dan WHB untuk memulakan kajian kebolehsanaan bagi kemudahan WTE di Selangor berdasarkan pendekatan WTE di Singapura sebagai rujukan
- Kerajaan Negeri meluluskan lawatan ke Itali, Jerman, Switzerland, Taiwan dan China bagi mengkaji WTE

2013



Lawatan Loji WTE di SINGAPURA



LAPORAN FEASIBILITY STUDY WTE (2014)

"Sistem WTE yang paling sesuai digunakan di Selangor adalah menggunakan system Moving Grate/ Stoker"

2014



Lawatan Loji WTE di JEPUN



Lawatan Loji WTE di ITALI



Feasibility Study for a Waste-To-Energy (WTE) Facility in Selangor - Part 1 of 2: Technology Comparison, Environmental and Social Considerations, Site Selection and Review of Singaporean Approach to WTE



USAHA KE ARAH PELAKSANAAN ISWMC



MESYUARAT MTES (6 JANUARI 2016)

Lawatan Loji WTE di CHINA


Kerajaan Negeri meluluskan lawatan kerja ke China oleh WHB untuk mengkaji secara mendalam aspek kewangan dan teknikal teknologi WTE yang akan dikembangkan di Selangor



2016

PENEMUAN DELEGASI SELEPAS LAWATAN KE CHINA

- Loji WTE yang dikunjungi mampu merawat sisa pepejal dengan berkesan serta menghasilkan tenaga elektrik yang optimum
- Loji WTE di China menggunakan teknologi grate / stoker serupa di negara maju yang lain
- Komposisi sisa pepejal di China serupa dengan yang terdapat di Malaysia



MESYUARAT MTES (11 MEI 2016)

WHB diminta untuk menjalankan kajian analisis dan unjuran sisa pepejal

USAHA KE ARAH PELAKSANAAN ISWMC



MESYUARAT MTES (30 OGOS 2018)

- Kerajaan Negeri bersetuju untuk melantik WHB untuk melaksanakan ISWMC di Negeri Selangor di bawah Private Public Partnership (PPP)



STATE ASSEMBLY SECOND TERM OPENING CEREMONY (18 MAC 2019)

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Selangor menyebutkan usaha Kerajaan Negeri untuk menggunakan pendekatan moden dan berteknologi tinggi untuk menyelesaikan masalah sisa pepejal di Selangor

2018

- MESYUARAT MTES (17 DISEMBER 2020) Bersetuju dengan tempoh konsesi projek ISWMC selama 30 tahun

- Bersetuju meluluskan dan menandatangani Perjanjian Induk di antara WHB dengan Kerajaan Selangor

- Bersetuju dengan *terma-terma utama (salient terms) di dalam Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan

2020

2017

Mesyuarat MTES (6 DISEMBER 2017)

- Bersetuju untuk pembangunan Loji WTE 1



2019



2019 BAJET NEGERI SELANGOR

- Kerajaan Negeri mengumumkan pelaksanaan WTE oleh WHB di Bawah Teras ke-4: Pemuliharaan Alam Sekitar


*keterangan lanjut di bahagian keputusan MTES

PELAN INDUK PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR



TAHUN 2016, PELAN INDUK UNTUK PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI SELANGOR TELAH DISEDIAKAN

Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC)
 Pelan Induk ISWMC selama 30 tahun diluluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai penyelesaian kepada pengurusan sisa pepejal jangka panjang yang berkesan



ISWMC @ TANJUNG DUABELAS


Kapasiti : 2,500 tan/hari
 Jumlah CAPEX: RM 1 Billion
 Tempoh konsesi: 30 tahun
 Jumlah penghasilan tenaga: 38 MW

TARIFF & KUOTA



322MW
 UNTUK FASILITI WTE

RM0.42/kWhr
 COD sebelum atau pada 2025
RM0.35/kWhr
 COD selepas 2025 sehingga 2030




KPKT 90MW diperuntukkan kepada WHB untuk pembangunan WTE pada 19/5/2020

SURUHANJAYA TENAGA (ST) Kuota 90MW telah diluluskan untuk pembangunan ISWMC pada 9/4/2021



YURAN TIPPING



03 ISWMC TG12 & TEKNOLOGI WTE



KELULUSAN MTES UNTUK ISWMC TG12



- 01 MODEL** **BLMO**
Build-Lease-Maintain-Operate
- 02 KONSESI** **30 Tahun**
- 03 PERJANJIAN** [State Government]
PERJANJIAN INDUK
[PBT] PERJANJIAN PELUPUSAN
SISA BUANGAN
- 04 TIPPING FEE** **RM55/ton**
 - > 5% PENINGKATAN SETIAP 3 TAHUN
 - > 1.5% FAEDAH BAGI PEMBAYARAN LEWAT
 - > KADAR BERKUATKUASA PADA TARIKH PERMULAAN WTE 1 DI ISWMC JERAM
- 05 TANAH** **30 ac. TANAH ISWMC**
70 ac. TAPAK PELUPUSAN
SEMENTARA MENUNGGU
ISWMC SIAP




Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan **KELULUSAN** kepada WHB untuk melaksanakan Integrated Solid Waste Management (ISWMC) di Mukim Tanjung Duabelas

06 JAMINAN SISA PEPEJAL **1,800** tan/hari

Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan bersama setiap PBT bagi memastikan jaminan sisa pepejal adalah seperti berikut:

MBSJ	MUDA	MUALA LANGAT	MELAKA	SEPAANG
196 tan/hari	240 tan/hari	236 tan/hari	849 tan/hari	345 tan/hari

KESESUAIAN ISWMC TG12



Keperluan Tapak Pelupusan

Loji WTE TG12 siap
Disember 2025

✓ 3.1 juta tan sisa pepejal perlu dilupuskan sementara menunggu WTE siap

Keluasan Tanah Diperlukan
70 ekar

✓ untuk menampung pelupusan sisa Pepejal selama 2 tahun.

Kesesuaian ISWMC TG12

- ✓ Bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari TG12
- ✓ Kesesuaian gunatanah
- ✓ Jarak dari sumber air, reseptor alam sekitar dan sosial
- ✓ Akses untuk pengangkutan
- ✓ Jarak dari infrastruktur penghantaran tenaga sedia ada.

TEKNOLOGI WTE YANG BERDAYA MAJU




Terdapat Lebih Kurang

2500

Loji WTE di Seluruh Dunia

Lebih 90% loji WTE di seluruh dunia menggunakan teknologi Moving Grate/Stoker System. Teknologi ini terbukti dengan baik, harga berpatutan, dan sesuai digunakan untuk ciri-ciri sisa pepejal di Malaysia.

WASTE-to-ENERGY PLANTS AROUND THE WORLD



Source: <https://www.mswmanagement.com/collection/article/13036128/the-current-worldwide-wte-trend>

RAKAN KONGSI WASTE TO ENERGY TG12



RAKAN KONGSI
BERPUSAT DI CHINA



SHANGHAI SUS ENVIRONMENT CO. LTD

50 PROJEK WTE PPP

PUBLIC PRIVATE PARTNERSHIP



3 AKTIVITI UTAMA WTE

EPCC, O&M DAN PEMBEKAL



MANFAAT & TEKNOLOGI

MANFAAT WTE

PENGURANGAN GAS RUMAH HIJAU
Karbon bersih & bebas pencemaran



RAWATAN LOJI YANG FLEKSIBEL

Berupaya memproses sisa pepejal dari pelbagai jenis

APLIKASI TEKNOLOGI


Teknologi kawalan pencemaran mengikut piawaian alam sekitar antarabangsa



Dandang (Boiler) diperolehi dari pengilang tempatan selaras ketetapan SEDA



Sistem Jejari Bergerak (Moving Grater) berasaskan teknologi Keppel Seghers dari Eropah



MITIGASI & KAWALAN ALAM SEKITAR

01 Bottom Ash dan Fly Ash



"Bottom Ash" akan diguna semula bagi tujuan pembinaan jalan dan operasi tapak pelupusan

PRODUCT FROM BOTTOM ASH



AGGREGATE



BLENDED CEMENT



STRUCTURAL FILL



CONCRETE BLOCK



"Fly Ash" akan dirawat menggunakan "Chelating Agent" sebelum dilupuskan di TPTG12

02 Rawatan Leachate



Kemudahan WTE di TG12 akan menguna pakai konsep "ZERO DISCHARGE" untuk merawat Leachate yang dihasilkan



Leachate yang dikumpulkan dari Fasilitas WTE akan dirawat di Loji Rawatan Leachate (LTP) di Tapak Pelupusan Sanitari TG12 menggunakan kaedah "Oxydation Method"



Air yang dirawat akan digunakan semula di Fasilitas WTE untuk tujuan penyejukan (cooling).


NO DISCHARGE

MITIGASI & KAWALAN UDARA


01
SNCR (Selective Non-Catalytic Reduction)
 Urea/Ammonia Hydroxide dimasukkan ke dalam relau untuk menyingkirkan NOx

02
Semi-Dry & Dry Spray Tower
 Slake Lime dimasukkan untuk menetralkan komponen gas berasid seperti HCL, HF, SO2 dll.

03
Activated Carbon Injection
 Memerangkap Dioxin, Furan dan Merkuri.



04
Bag Filter
 Memerangkap partikel kecil termasuklah Furan & Dioxin.



Pemantauan Kualiti Udara dipaparkan secara 'real-time' pada skrin LED di Loji WTE

Langkah mitigasi pelepasan gas yang mematuhi piawai antarabangsa

EU2000/76/EC

Parameter	Unit	EU2000/76/EC (Daily Average)	EQ (Clean Air) Regulation 2014
PM	Mg/m ³	10	100
CO	Mg/m ³	50	50
NOx	Mg/m ³	200	200
SO2	Mg/m ³	50	50
HCl	Mg/m ³	10	40
HF	Mg/m ³	0.05	0.05
Cl	Mg/m ³	0.05	0.05
Pb	Mg/m ³	0.5	0.5
HF	Mg/m ³	1	1
Ammonia Compound	Mg/m ³	30	
Dioxin	Ng/m ³	0.1	0.1

KAWALAN BAU



Semburan "deodorizing system"



"Air curtain" untuk mengelakkan bauran bau




Tekanan negative untuk mengelakkan kebocoran bau



WASTE TO ENERGY DI KAWASAN PUSAT BANDAR RAYA



PEMBINAAN WASTE TO ENERGY DI KAWASAN PUSAT BANDAR RAYA




Meguro Incinerator Plant
Kanto, Japan
Operational since 1999




Spittelau Incinerator Plant
Vienna, Austria
Operational since 1992

KEUNIKAN REKA BENTUK BANGUNAN WASTE TO ENERGY




AMAGER BAKKE, COPENHAGEN
400,000 tons of waste/year




SHENZHEN EAST, CHINA
5,000 tons of waste/day



HANGZHOU, CHINA
5,200 tons of waste/day




NINGBO, CHINA
2,250 tons of waste/day




SANHE, CHINA
2,000 tons of waste/day

04 STATUS ISWMC TG12



JANGKAMASA PELAKSANAAN ISWMC TG12



ENVIRONMENT IMPACT ASSESSMENT (EIA)

Konsultant EIA telah dilantik pada 11 March 2021 dan kajian EIA sedang dijalankan.



PERJANJIAN INDUK ISWMC TG12

Deraf perjanjian telah dihantar kepada pihak UPEN dan masih dalam proses untuk dimuktamadkan.

KAJIAN SISTEM KUASA (PSS)

Laporan PSS telah **DILULUSKAN** oleh TNB pada 20 Ogos 2021



PENGAMBILAN TANAH

Proses pengambilan tanah masih di dalam pemprosesan.



Sambungan Grid ke PMU Bukit Changgang (17.3km)

PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN



TUJUAN PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN



PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN

Selaras dengan Perjanjian Induk dan kelulusan dasar Kerajaan Negeri, PBT perlu menghantar Sisa yang dipungut ke ISWMC Tanjung Duabelas bagi menjamin bekalan sisa buangan yang mencukupi untuk pengoperasian ISWMC pada tahun 2025.

Perjanjian yang sama untuk pembangunan ISWMC Jeram telahpun ditandatangani bersama-sama PBT yang terlibat pada *Majlis Menandatangani* 19 Ogos 2021 yang lalu.

Pihak WHB berharap agar Perjanjian Pelupusan Sisa Buangan bagi projek ISWMC Tanjung Duabelas dapat dimuktamadkan sebelum menjelang tahun 2022.

selangorkini



Worldwide Holdings enters agreements with local authorities

PETALING JAYA: Worldwide Holdings Bhd has entered into a waste disposal agreement with five local authorities for the development of an integrated solid waste management centre (ISWMC).

The local authorities are Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya and Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

The ISWMC will be developed adjacent to Worldwide Holdings' Jeram Sanitary Landfill.

The virtual signing ceremony, held over a week ago, was witnessed by Selangor Chief Minister Datuk Seri Amirudin Shari.

The ISWMC will be developed adjacent to Worldwide Holdings' Jeram Sanitary Landfill.

It will include a waste-to-energy plant, a material recovery facility, a material recovery facility for construction and demolition waste, anaerobic digester, a research and development centre and a composting plant.

"With the signing of these agreements between Worldwide Holdings and local authorities, Selangor will become the owner of the largest solid waste management plant in Malaysia with the most advanced green technology."


"These agreements will also contribute to the efforts in meeting the commercial operations to be set by the Energy Commission which is in the middle of 2024," said Worldwide Holdings group chief executive officer Datin Fatma Nurziana Zakaria in a statement.



KEPERLUAN JAMINAN SISA ISWMC TG12



PURATA JUMLAH SISA PEPEJAL DAN UNJURAN SISA TAHUNAN DI TAPAK PELUPUSAN SISA TG12



TERMA-TERMA UTAMA PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN


Bil.	Perkara	Deskripsi	Ulasan
1.	Pihak Perjanjian	Worldwide Holdings Berhad (WHB) and Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	-
2.	Lokasi	Bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari Tanjung Duabelas, Kuala Langat	ISMWC Tanjung Duabelas
3.	Tempoh Perjanjian	30 tahun setelah fasiliti WTE 1 mula beroperasi	Selaras dengan Perjanjian Induk dan kelulusan dasar Kerajaan Negeri.
4.	Bon Pelaksanaan	5% daripada Harga Kontrak Tempoh sehingga 12 bulan.	Harga Kontrak Jumlah Sampah (tan/hari) X RM55 per tan X 365 hari
5.	Caj Pembuangan Sisa Pepejal	RM 55.00/tan metrik dengan kadar kenaikan tarif setiap 3 tahun.	Kadar ini terpakai bagi pembuangan sisa ke fasiliti ISWMC yang terdiri daripada pelbagai komponen.
6.	Pembayaran Lewat	Mengenakan faedah pembayaran lewat sebanyak 1.5% dan tempoh pembayaran 45 hari.	-
7.	"Guarantee Tonnage"	PBT memastikan jumlah minimum sisa pepejal berdasarkan purata terkini.	"Guaranteed Tonnage" bukanlah "material breach"

TERMA-TERMA UTAMA PERJANJIAN PELUPUSAN SISA BUANGAN


Bil.	Perkara	Deskripsi	Ulasan
8.	Ekklusiviti	Terhad kepada teknologi yang sama ISWMC kecuali yang dipersetujui sebaliknya secara bertulis di antara Kerajaan Negeri.	-
9.	Waktu Operasi Kemudahan ISWMC	Permohonan diberikan secara bertulis kepada pihak WHB untuk melanjutkan waktu operasi.	-
10.	Penyelesaian Pertikaian ("Dispute Resolution")	Ahli Jawatankuasa Penyelesaian Pertikaian terdiri daripada:- (a) Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Kerajaan Negeri Selangor; (b) Yang Di Pertua /Datuk Bandar Pihak Berkuasa Tempatan Yang Berkenaan; dan (c) Ketua Pengawai Eksekutif Pemegang Konsesi.	-

TERIMA KASIH

